



PETIKAN AKHBAR

Kementerian Kewangan Nafi Kenyataan Ranhill Utilities Dalam Pelupusan Hak Ke Atas IWK

PETIKAN AKHBAR | 03 DISEMBER 2020



KUALA LUMPUR, 3 Dis – Kementerian Kewangan hari ini menafikan makluman yang dikeluarkan oleh Ranhill Utilities Bhd kepada Bursa Malaysia berkenaan kementerian dan Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MoF Inc) telah mengeluarkan surat tawaran kepada Ranhill untuk melaksanakan ‘ketelitian wajar’ ke atas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd (IWK).

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan hari ini berkata, anak syarikat milik penuh MoF Inc, Prokhas Sdn Bhd juga tidak pernah mengeluarkan sebarang jemputan kepada mana-mana pihak bagi melaksanakan ketelitian wajar itu sebagaimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Ranhill.

Ranhill Utilities dalam makluman kepada Bursa Malaysia, semalam, berkata syarikat tersebut telah menerima surat jemputan daripada MOF Inc untuk menjalankan ketelitian wajar itu ke atas IWK bagi cadangan pelupusan oleh MOF Inc dan kepentingannya dalam syarikat berkenaan. vla berkata Prokhas dilantik oleh MOF Inc untuk mewakili MOF Inc sebagai perunding bagi cadangan tersebut.

Setakat berita ini ditulis, Ranhill masih belum membalas kenyataan MoF.

Bernama

-  [Siaran Media](#)
-  [Koleksi Ucapan](#)
-  [Petikan Akhbar](#)
-  [Foto](#)
-  [Video](#)
-  [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

HARGA MINYAK

PRICE OF PETROLEUM

TENGKU ZAFRUL

BANTUAN PRIHATIN NASIONAL

KWSP

I-SINAR

SINAR HARIAN

JELAJAH BELANJAWAN 2021

PRIHATIN MOF

PERMAI

BERITA HARIAN